

**Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini
Agenzi Kelayakan Malaysia (MQA)**

Caj Proses Berhubung Pembatalan/Permohonan Akreditasi yang Tidak Lengkap dan Hasil Tersalah Pungut/Hasil Tidak Dikenal Pasti

[Surat Makluman MQA Bil. 9/2025 bertarikh 6 Mei 2025]

Ringkasan ketetapan

- i. Pelaksanaan caj proses berhubung pembatalan/permohonan akreditasi yang tidak lengkap dan hasil tersalah pungut/hasil tidak dikenal pasti telah ditetapkan oleh MQA untuk berkuat kuasa pada **1 Julai 2025**.
- ii. Menurut Seksyen 7(2)(e) Akta MQA 2007, MQA boleh mengenakan fi atau apa-apa caj lain yang disifatkan patut bagi perkhidmatan yang telah dilaksanakan. Sehubungan itu, MQA telah menetapkan caj proses bagi permohonan yang ditetapkan.
- iii. PPT dimohon mengambil perhatian dan membuat perancangan yang sewajarnya dengan memastikan dokumen permohonan lengkap sebelum mengemukakan permohonan dan membuat bayaran ke MQA.
- iv. Caj berkaitan seperti yang diterangkan di atas boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul [SWAAKREDITASI](#).

Tindakan di peringkat UPM

- v. Semua Fakulti/Sekolah yang menawarkan program perlu merujuk pelaksanaan caj proses yang ditetapkan untuk pelaksanaan dan pematuhan mengikut ketetapan MQA seperti berikut:

| Bil. | Perkara | Kriteria | Kadar caj proses |
|-------------|--|---|---|
| 1. | Permohonan Akreditasi Sementara (Borang A) | i. Bayaran bagi permohonan yang diterima secara dalam talian dan dibatalkan di peringkat semakan Unit Pendaftaran, Bahagian Koordinasi dan Rujukan Jaminan kualiti (BKRJK). | RM250.00 *Baki akan dipulangkan kepada Fakulti/Sekolah. |
| | | ii. Permohonan tidak lengkap selepas maklumat tambahan dikemukakan oleh Fakulti/Sekolah. | RM1000.00 *Baki akan dipulangkan kepada Fakulti/Sekolah. |

| | | | |
|----|--|---|---|
| | | iii. Fakulti/Sekolah tidak mengemukakan maklumat tambahan dalam tempoh yang ditetapkan. | |
| 2. | Permohonan Akreditasi Penuh (Borang B) | i. Bayaran bagi permohonan yang diterima secara dalam talian dan dibatalkan di peringkat semakan Unit Pendaftaran, Bahagian Koordinasi dan Rujukan Jaminan Kualiti (BKRJK). | RM250.00 *Baki akan dipulangkan kepada Fakulti/Sekolah. |
| | | ii. Permohonan masih tidak lengkap selepas maklumat tambahan dikemukakan oleh Fakulti/Sekolah. | RM1000.00 *Baki akan dipulangkan kepada Fakulti/Sekolah. |
| | | iii. Fakulti/Sekolah tidak mengemukakan maklumat tambahan dalam tempoh yang ditetapkan. | |
| 3. | Hasil Tersalah Pungut atau Hasil Tidak Dikenal Pasti | i. Jenis-jenis hasil tersalah pungut atau hasil tidak dikenal pasti; <ul style="list-style-type: none"> a. Fakulti/Sekolah membuat bayaran 2 kali. b. Tersilap mengemukakan amaun bayaran. c. Bayaran dibuat tanpa mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan. d. Hasil yang dikategorikan sebagai hasil yang tidak dikenal pasti atau e. Lain-lain situasi yang membolehkan bayaran dipulangkan semula. | Nilai caj proses dikenakan bagi hasil tersalah pungut atau hasil tidak dikenal pasti adalah kadar 1.00% daripada amaun yang dibayar atau RM5.00 mana yang lebih tinggi. *Baki akan dipulangkan kepada Fakulti/Sekolah. |
| | | ii. Caj proses dikenakan bagi bayaran yang telah sah diterima oleh MQA. | |

*Bagi permohonan yang tidak dinyatakan di atas, tiada pemulangan fi atau caj.

Disediakan oleh:

Pusat Jaminan Kualiti (CQA)
 Pejabat Naib Canselor
 Universiti Putra Malaysia
 4 September 2025